

**Garis Panduan Mengenai Syarat-Syarat
Penetapan Pensyarah/Penceramah Sambilan
Sebagai Golongan Pakar**

1. Tafsiran Pakar

- 1.1 Mana-mana pensyarah/penceramah yang memberikan syarahan/ceramah secara sambilan atau sekali sekala di sesuatu kursus atau majlis-majlis rasmi anjuran Kementerian/Jabatan/ Agensi Kerajaan di dalam atau di luar waktu pejabat di mana tugas memberikan syarahan/ ceramah itu adalah bukan tugas rasmi beliau dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di perenggan 2 di bawah.
- 1.2 Ini bermakna Pegawai Perkhidmatan Perubatan yang memegang jawatan Pakar/Pakar Runding di Hospital-hospital Kerajaan atau Pegawai Perkhidmatan Pendidikan serta Pensyarah-pensyarah Universiti yang mempunyai ijazah M.A atau Ph.D bukanlah secara otomatis layak diberikan pengiktirafan Pakar bagi maksud ini.

2. Syarat-syarat

- 2.1 Syarat-syarat penetapan pensyarah/penceramah sambilan sebagai golongan pakar adalah seperti berikut:

2.1.1 *Kelayakan Profesional/Akademi Pegawai*

Pegawai mempunyai kelayakan minima di peringkat ijazah pertama. Bagi golongan pakar profesional, pegawai dikehendaki mempunyai kelulusan profesional dalam bidang kepakarannya;

2.1.2 *Gred dan Kategori Jawatan Pegawai*

Gred/kategori jawatan pegawai hendaklah sekurang-kurangnya di peringkat Gred 1 atau setaraf;

2.1.3 *Sumbangan Penulisan/Penerbitan Pegawai*

Pegawai sekurang-kurangnya telah menerbitkan buku atau 'articles' dalam jurnal/ majalah yang diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Tajuk-tajuk yang ditulis hendaklah berkaitan dengan bidang kepakarannya;

2.1.4 *Persidangan Dalam dan Luar Negeri Yang Dihadiri Oleh Pegawai*

Pegawai pernah menghadiri persidangan-persidangan di dalam dan di luar negeri serta telah memberi sumbangan dalam bentuk iaitu seperti sebagai pakar rujuk atau penulis/pembentang kertas kerja dalam bidang kepakarannya;

2.1.5 *Mata Pelajaran*

Pegawai memberi kuliah/ceramah dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan kelayakan dan kepakarannya; dan

2.1.6 *Perakuan Daripada Kementerian/Jabatan/Agensi Di Mana Pegawai Bertugas*

Kementerian/Jabatan/Agensi di mana pegawai bertugas hendaklah mempastikan dan memperakukan kepada Kementerian/Jabatan/ Agensi yang menganjur kursus/majlis rasmi bahawa pegawai itu adalah seorang pakar dalam bidang yang diajarinya dan dikenali umum.